

## FORUM ARAH TUJU SASTERA SARAWAK 2018

Balai Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.

30 Ogos 2018

### MENGANGKAT KARYA SASTERA PENULIS PELBAGAI KAUM DI SARAWAK

Oleh;

Poul Nanggang, Ketua II, Persatuan Penulis Utara Sarawak (PUTERA)

#### PRAWACANA

Menurut Keith Foulcher, **“kesenian itu hanya menjadi instrumen bagi perubahan sosial yang bernama pembangunan.”** Seniman, katanya **“berpartiisipasi dalam replikasi hegemoni kebudayaan.....bukan sebagai agen negara, namun sebagai partisipan dari proses transformasi dan perubahan budaya yang ada dalam pengawasan negara.”** ( Foulcher 1900: 306)

Milik siapa sebenarnya sebuah karya sastera? Pada mulanya adalah milik pengarangnya. Namun begitu setelah selesai karya dinukilkan, ia bukan lagi milik pengarangnya, tetapi sudah menjadi milik penikmat atau pembacanya. Dalam tradisi, di tahap ini sebuah karya sastera itu menjadi milik seluruh masyarakat, kerana mereka dapat menikmatinya secara langsung seperti cerita lisan masyarakat kita, tarian-tarian budaya etnik, dan kepelbagaian yang ada dalam sastera tradisi. Dimulai dengan era pencetakan atau penyebarluasan karya sastera pada abad ke -19 di Asia Tenggara secara meluas, terutama abad pada abad 20, membuat karya sastera justeru menjadi sulit diterima oleh masyarakat luas. Pertama, kerana mungkin penerbit sudah memilih manuskrip terbaik sesuai dengan kepentingannya, kedua penyebarluasannya sangat terbatas kerana faktor pemasaran dan pengedaran yang tidak berkesan berbanding cara pengedaran cara tradisional, ketiga tidak banyak yang mahu dan mampu membeli buku. Alasan utama, buku atau sastera cetakan telah menciptakan jarak pembaca dan penikmatnya dalam soal bahasa, pengertian, maksud ataupun langgam bahasa. Trend sastera moden sudah jauh berubah, selain tertakluk dengan perundangan sesebuah negara, tujuan karya disebar dan pemilikan karya itu tidak seperti sastera tradisi yang tidak dimiliki secara individu.

Sekarang saya utarakan sastera kita pada era moden ini. Yang ada antara lain wujud nilai komersial berbentuk honorarium atau hadiah, status, nama dan populariti. Kita juga disuakan dengan kalimat, *“ sesudah karya itu wujud maka pengarangnya sudah mati.”* Walaupun banyak kali kita dengar dan lihat karya itu masih diperdebatkan dalam kuliah atau persidangan di mana-mana, mengenai prosa

Shahnon Ahmad, Abdullah Hussein, A. Samad Said, Jong Chian Lai, Awangku Merali Pg Mohammad, Douglas Jaga, Dahiri Saini, Beb Sabariah, Radzemah Bolhassan, Dahiri Saini, Jaafar Hamdan, Hajijah Jais, Jais Sahok, Jaya Ramba, Abang Median Abang Said, SM Zakir, atau puisi-puisi Abizai, Zaen Kasturi, Zurinah Hassan, Siti Zainon Ismail, Kemala, Hipani Alwi, Marsli NO, Jasni Matlani, Rejab FI, Adi Badiozaman Tuah, Saiee Dris,(sekadar contoh) dan yang lainnya. Itu maknanya karya sastera itu sudah dinikmati, dikupas, dan diangkat oleh para pemikir sastera, pengkritik dan penilainya. Kalau karya kita sudah didebatkan, dibincangkan maka maknanya karya kita mempunyai nilai dan harkatnya tersendiri. Untuk menjadi yang terbaik sebagai "*maha karya*" itu memerlukan sentuhan kreatif yang tajam menyentuh jiwa sebagaimana sentuhan Pramoedya Ananta Toer, penulis Indonesia yang hebat itu.

### **Membaca, Membaca, dan Membaca.**

Sebagai pengarang yang ingin berjaya, saya percaya bahawa pengarang itu mempunyai daerah pembacaan yang kuat. Mempunyai karya-karya yang hebat untuk menjadi santapan seni, juga karya yang menjadi pegangannya. Selain itu juga mengetahui teori-teori sastera sekurang-kurangnya ada dasar, kalau mampu lebih jauh menguasai ilmu teori sehingga yang terkini. Jangan terlalu angkuh dengan ilmu pengetahuan, jurus sastera yang kita miliki, umpama pendekar di medan laga, langkah mesti kemas, merendah diri seadanya jangan nanti terpukul dengan riak kesombongan yang memakan diri. Harus menjadi pengarang itu berjiwa besar.

Mungkin juga menguasai buku falsafah, keagamaan dan politik sebagai sebahagian buku pegangan seharian. Ini kunci kepada pengkaryaan kita. Kita berasa aman, sejahtera dan ketenteraman yang luar biasa untuk menulis dan berkarya. Tidak semudah yang banyak orang sangka, kerja menulis itu mudah dan seumpama makan keropok sahaja. Kerja menulis itu bukan sesuatu yang bersifat mendapat sanjungan kepopular, kemewahan dan wang ringgit yang menjadi kita kaya raya, tidak mengarah k situ, tetapi menjadi penulis tidak pula pengarang menjadi papa kedana maksudnya kalau kita perhalusi kerja menulis yang memungghah, mengumpul pemikiran tamadun bangsa kita dihasilkan, contohnya di Alam Nusantara, maka sastera Melayu itu menjadi tunjang penulisan sastera manusia di sini. Mungkin kalau penulis itu seorang Hindu maka kitab-kitab Hindu tua harus ditelaah sebagai cetusan idea, cerita-cerita klasik harus menjadi falsafah hidup agar ia terserlah di dalam karya seperti *Ramayana*, *Veda*, *Mahabrata* dan lain-lain. Juga mungkin ada malan ritualnya bagi membuka minda untuk menghasilkan karya yang lebih berjaya. Contohnya yang lain, kalau kita seorang Dayak maka segala ritual dalam etnik kita cuba kita selidik, kuasai dan fahami mengapa hal itu ada. Lalu kita nukilkan karya yang sebegitu, maka lahir

sesuatu yang wujud dalam diri kita sendiri. Karya itu lebih mengalir, daripada kita cuba menjenguk ikut dalam suasana trend sastera masa kini yang penuh dengan eksperimen dalam mencari kelainan dan roh wajah yang baharu. Lantaran karya yang sama dianggap sebagai umpama ciptaan biasa sahaja. Orang sudah buat pun. Maka kita cuba lari dari penciptaan sedemikian.

Ruang lingkup pembacaan seharusnya lebih berfokus, bukan bermakna tidak boleh menjamah karya atau bahan bacaan yang dianggap ringan atau genre lain, tetapi sesuai dengan trend yang ada kita miliki. Kalau pun tidak menguasai 100% tetapi mampu mencapai 80%. Itu lebih baik, kerana mudah untuk kita berhujah, memberi sudut pandangan, berbicara dengan lancar kerana kita menguasai fakta-fakta yang ada sebagai sokongan kepada ilmu yang kita ada. Orang akan mengikuti perkembangan jagad raya pengkaryaan kita sama ada meningkat, statik atau menjunam menurun. Kalau boleh kita perlu ada waktu peribadi untuk kita sama ada menulis atau membaca. Hakikatnya memang bukan mudah menjadi pengarang, perlu komitmen diri, ilmu bantu, bakat alam yang di kembang asah, lalu kita semacam hidup seorang diri membongkar segala apa jua yang terperam di jiwa selama ini, kemudian kita bergelut mencari kebenarannya, mencipta karya itu, membina watak, latar dan mesej yang mahu disampaikan cerita. Kita seolah-olahnya, segalanya di sana dalam menentu keberhasilan karya kita. Itu suatu hal. Pada suatu sudut yang lain pula, sama ada karya kita diterima editor sastera, penilai sastera, masyarakat, pembaca, pengkaji sastera dan pengkritik yang turut mengangkat karya itu. Memang banyak pengkritik dengan lesen ketokohnya dengan angkuh sering kali semacam menidakkan karya yang telah terbit. Sehingga ada ketika karya dianggap buruk itu berjaya memikat panel juri hadiah sastera. Ada pada jiwa pengarang, meletakkan skala karyanya. Biarpun kerap kali jauh meleset tanggapan pengarang kepada karyanya. Tetapi selalunya pengarang tidak afdal mengangkat karya sendiri, dengan menyatakan hasil karya sebagai hebat, lebih molek kalau karya itu diperkatakan oleh seseorang berwibawa dalam dunia sastera atau orang lain dalam kita mempromosi karya kita. Saya teringat, pengarang ternama Sarawak, Awangku Merali Pengiran Mohamad ada menyatakan bahawa, ***“lebih baik karya itu dikritik daripada langsung tidak pernah diperkata dan dijamah oleh para pengkritik”***. Biarpun nilai sastera itu terlalu subjektif. Penilaian karya sastera dapat dibuat oleh pengalaman, ketajaman deria, kebugaran minda, dan ilmu yang dicerna dalam karya itu. Selain itu tidak lari dengan adanya gaya penggunaan bahasa yang digunakan oleh pengarang itu sendiri. Kelincahan karya itu bergerak sehingga membuka minda kita.

Saya juga semacam mengajak daerah pembacaan itu penting bagi memperoleh segala untuk mendapat kosa kata terbaik dalam tulisan yang membuat audiens terpegun dengan cara kita berbahasa,

walaupun nampak keras tetapi masih berisi, walaupun jelas lembut tetapi impaknya meresap di jiwa. Penggunaan pelbagai edisi kamus dalam memilih kosa kata terbaik adalah langkah yang bijaksana.

### **Sokongan Pemerintah Dan Badan Sastera Bahasa.**

Pemerintah kita yang ada juga harus peka mengenai sastera, budaya dan bahasa kita. Sokongan daripada pemerintah amatlah ditagih dan sangat diharapkan oleh karyawan dan seniman. Karya-karya penulis Sarawak harus dibeli oleh pemerintah dan disediakan di rak-rak perpustakaan seluruh pelosok negeri. Ini karya orang tempatan kita, dan perlu disokong. Kalau tidak siapa lagi kita harapkan, sehingga ia tersadai. Janganlah kita seperti peribahasa, *“kera di hutan di susi, tapi anak di pangkuan mati kelaparan”*. Pemerintah melalui pelbagai agensi, badan atau bahagian dalam jajaan pemerintah harus membeli karya penulis tempatan kita. Soal mutu, soal yang lain, kerana buku itu sudah melalui peringkat penilaian, edit, penyuntingan oleh badan-badan yang menerbitkan karya ini seperti Dewan Bahasa & Pustaka, ITBN dan lain-lain pencetakan pemerintah sepatutnya hal ini tidak menjadi persoalan. Harus ada debat positif, polemik sastera yang membuka cakrawala pemikiran masyarakat kita yang atau sesi membicarakan buku-buku yang diterbitkan untuk menambah khazanah pustaka bangsa kita. Kalau ini terjadi di Sarawak, memang dengan menulis akan cukup makan dan boleh dijadikan bidang kerja sepenuh masa bagi menyara kehidupan. Tapi rasanya, bidang penulisan masih lagi belum mampu membuktikan dapat menyara kehidupan sepanjang hayat di Sarawak. Walaupun bidang diminati ramai dengan popularitinya tetapi jaminan masa depan tidak meyakinkan. Lantaran itu ramai penulis timbul tenggelam kerana berasakan survival hidup itu lebih penting, tapi ada juga terus menulis dan berjaya dengan hebatnya. Tuah nasib seseorang dan rezeki anugerah Pencipta kepada seseorang.

Selain itu pelbagai anugerah buku, penulisan harus diadakan secara konsisten bukan bermusim. Karya-karya penulis diangkat dan diberikan penghargaan kepada penulisnya dalam genre-genre yang tertentu. Untuk merencanakan suasana berkarya di Sarawak, hal-hal semacam ini sebagai motivasi untuk berkarya. Tidak banyak politik sastera dimasukkan dalam mengangkat wajah sastera kita. Kita tidak pernah ketandusan pengarang yang hebat untuk dinobatkan di negeri kita atau persada nasional, tetapi orang kita sendiri yang memegang amanah menjadi penilaian sastera kita harus jujur dan dijauhi sentimen pilih kasih, berasakan bahawa *“golongan orang tertentu sahaja yang hebat di maya pada ini”*, sombong, bongkak dengan status yang dimiliki. Hal-hal negatif begini harus di runtuh dalam minda pemikir sastera bangsa kita di Sarawak. Kita sudah banyak kali mengadakan bengkel penulis, simposium, seminar, kolokium, persidangan dan lain-lain untuk mengangkat penulis kita. Bagi saya kalau seseorang itu memang layak pada pengkaryaanannya, maka seharusnya kita memberikan

penghargaan yang sepatutnya tanda banyak dalil atau alasan yang kurang menyenangkan di kalangan kita. Maka timbullah tanda tanya, *“adalah kita sahaja yang lebih afdal dan bijaksana”*, karya orang lain itu sekadar sampah menghiasi sastera bangsa. Kita tidak pun mengejar anugerah dan nama, tetapi kalau sudah seseorang menepati ciri-ciri dan mencapai tahap kewibawaannya yang tidak disangsikan, kenapakah kita menidakkan bakat dan kebijaksanaan seseorang itu?

Barisan penilai sastera yang dianggap mempunyai kebijaksanaan jangan terbawa-bawa sikap emosional yang melampau dan kita harus bebaskan diri dari persepsi yang negatif tentang pengarang yang dicalonkan atau menerima anugerah. Melainkan memang sah bahawa pengarang yang dicalonkan bersalah di sisi undang-undang dan dihukum, tidak mendapat kepercayaan masyarakat, terbabit salah laku jenayah berat dan menunggu proses kehakiman, bankrap, penagih dadah, pencabulan kedaulatan negara, dan lain-lain kes yang berat. Selagi ia tiada masalah dengan undang-undang negara, maka selayaknya ia dinobatkan kalau memang panel mendapati karya-karyanya hebat, biarpun dari pegangan politik yang berlainan khasnya di kalangan berhaluan pembangkang. Janganlah bersikap, kerana saya belum di pilih untuk anugerah itu, maka tiada siapa pun layak mengalahkan saya bagi anugerah itu. Langkah mayat saya dahulu sebelum yang lain mendapat anugerah itu.

Kita patut berbangga, Sarawak antara negeri di Malaysia yang mempunyai status Hadiah Sastera sendiri. Pengarang Sarawak berharap ia akan terus kekal, setiap tahun dihulurkan dengan bajet yang ada. Janganlah kita buat semacam antara ada atau tidak ada sahaja. Syabas dan tahniah kepada usaha ini, tetapi setelah sekian tahun jumlah wang bagi hadiah ini tidak banyak meningkat! Seharusnya kita di Sarawak lebih berkembang maju sesuai dengan zaman, dan ciri-cirinya mendekati kalaupun tidak menyamai Hadiah Sastera Perdana (Nasional). Sabah kalau tidak silap sudah meningkat nilai hadiah kepada pemenangnya, sedangkan nilai hadiah kita masih di takuk 5-10 tahun yang lalu. Belum ada penambahbaikan. Kita buka lebih ramai pemenangnya, selain nilai wang hadiah bertambah. Contohnya dalam genre puisi, kalau tidak silap sekadar 5-6 buah puisi sahaja yang layak diberikan hadiah, sepatutnya bagi dalam 10-12 buah setiap tahun. Ganjaran pula sekadar lapan ratus ringgit, naikkanlah kepada seribu ke seribu lima ratus. Itu contoh sahaja bagi genre puisi. Ini cadangan sahaja, bagi kita di Sarawak untuk memeriahkan warna sastera bangsa di sini. Karya-karya pemenang ini dibukukan dan dijadikan khazanah sastera istimewa. Jangan hanya tersimpan dan tersorok tanpa dipedulikan dan ambil tahu. Kita carilah mekanisme menerbitkan karya-karya menang ini dalam bentuk siri atau jilid mengikut kebijaksanaan para pengurus dan pentadbir sastera kita.

Selain itu, sepatutnya karya-karya yang hebat yang pernah menang di peringkat nasional atau negeri, dicalonkan bagi penerbitan buku teks pelajar dari sekolah rendah, sekolah menengah sehingga darjat menara gading di universiti. Barulah sastera itu dianggap relevan dengan zaman. UNIMAS atau pusat pengajian tinggi kita, contohnya ada kajian sastera terhadap sastera penulis Sarawak selain sastera Malaysia atau Nusantara. Bagi saya sastera juga tetap relevan dengan revolusi industri 4.0 yang banyak diungkap oleh para pemikir kita kerana kegagalan orang kita menguasai hal ini. Status revolusi industri kita dikatakan 2.0 pun belum kita kuasai..... kalau tidak semua, masih ada ruang dan peluang untuk kita terokai. Itu tugas para pemimpin dan pemikir Negara bagi rakyat kita mencapai piawaian itu. Setelah sekian lama kita merdeka, berapa orang sahaja karya penulis Sarawak diangkat sejauh itu? Boleh dihitungkan dengan jari pun termasuk karya yang dipilih dalam buku teks sastera pendidikan di Malaysia dengan KOMSAS, Kesusasteraan dan teks Bahasa Malaysia. Belum lagi di universiti ada teks sastera kita penulis Sarawak dibincangkan. Sejauh mana perkembangannya? Kita juga kekurangan di sini, berbanding orang lain. Bagi anugerah “**SEA Writer Awards**” pun kita dari Sarawak gagal menambah calon yang berwibawa sebaris dengan wilayah lain di Malaysia, kita hanya ada Saudara Jong Chian Lai yang menerimanya pada 2006 yang lalu. Di mana silap salahnya? Adakah kita tidak pernah berusaha ke arah itu, kesungguhan organisasi dan pemikir sastera kita meletakkan calon yang boleh diangkat sejauh itu. Dala hal ini saya berasakan bahawa tiada mekanisme yang bersungguh-sungguh meletakkan para pengarang kita lebih maju ke hadapan baik oleh badan sastera, pemerintah atau orang yang berwibawa dalam bidang susastera kita. Kita kena tanya, kenapa hal ini berlaku. Tepuk dada tanya selera dalam mengupas hal ini. Ia mungkin menjadi polemik sastera paling panjang bagi kita.

### **Organisasi Sastera Di Sarawak**

Kita banyak mempunyai organisasi sastera di Sarawak di setiap daerah di Sarawak. Baik yang bergerak sendiri-sendiri mahupun menyertai takah peringkat nasional seperti GAPENA. Dulu kita ada GPPS yang cuba menyatukan kita, tetapi usaha itu tidak berpanjangan. Kalau tidak silap di Kuching paling banyak dengan PEKASA, PENULIS dan yang lain, di Sri Aman da BENAK, di Sibu ada KALBU 3, di Miri ada PUTERA di Limbang ada Pengkarya itu adalah organisasi sastera yang berjuang “*per se*” kepada sastera. Sama ada mereka terus relevan atau tidak, kita kena lihat perkembangan terkini kepada perjalanan dan usaha mereka dalam menjulang sastera di Sarawak ini.

Saya berasakan organisasi sastera harus bijak menghadapi suasana. Kini bukan zaman bermewah-mewah untuk mendapat dana, kegiatan dan peluang seperti dahulu. Yang penting organisasi

penulis ada program seperti mesyuarat agung tahunan yang dilaksanakan dengan baik. Mempunyai hubungan dengan pemimpin atau tokoh politik, peminat tegar sastera budaya yang tulus jiwa seni bagi membantu menjayakan program yang bermanfaat kepada ahli dan peminat sastera setempat. Kalau sastera itu bisu di sesebuah daerah, kitalah sebagai pelopor menjayakan kegiatannya, bersatu berusaha menjayakan dengan pelbagai fiil dan gaya masing-masing. Yang penting saling percaya-mempercayai di antara satu sama lain. Kita mungkin berbeza pendapat, tetapi akhir kita umpama kiambang bertaut kembali demi sastera yang kita sama mesrai. Mungkin agak susah kalau kita berjuang secara sendirian dalam mengangkat penulis dan karyanya di Sarawak. Organisasi penulis merupakan elemen utama yang membawa kepada usaha bersepadu, berpasukan dan lebih meyakinkan. Tiada makna kita ramai karyawan, tetapi berjuang sendiri-sendiri yang akhirnya kita semacam tidak diambil peduli atau berat oleh pihak-pihak tertentu yang mengurus hal sastera kita. Mungkin sekali dua pihak atasan, tidak ambil peduli kita, tetapi bertahun-tahun kita tekal, cecal dengan komitmen kita maka timbullah di hati nubari mereka bahawa persatuan ini benar-benar ada visi dan misi yang perlu dicapai. Maka mereka akan membantu kita. Ini adalah "*trade mark*" jenama yang harus kita jaga. Kalau gagal pun projek itu ada sebab yang kuat bukan sahaja-sahaja hendak tolak begitu sahaja.

Kurangkan berpolitik dalam sastera. Bagi saya kita perlu menerbitkan karya sebanyak bagi penulis kita. Bantu caranya, kalau penerbit ini tidak mesra, cari penerbit yang lain, cari penaja yang boleh membantu karya penulis kita dicetka terbitkan. Kita tidak sekadar bertumpu kepada DBP, ITBM sahaja tetapi usaha sendiri untuk menanjak karya kita. Ini membuktikan usaha organisasi kita membantu karya yang baik dipasarkan kepada masyarakat. Soal karya itu hebat, baik, sampah dan sampah itu hak pengkritik dan penilaian sastera. Jangan mudah mengalah di zaman yang penuh cabaran ini. Bagi saya terpujang kepada sikap penulis itu sendiri, tidak kira ia dari kelompok mana, kalau ada komitmen mahu karya itu diangkat untuk terbit, kita usaha sebaiknya kerana organisasi penulis boleh memberi jalan, memberikan komentar nilai seni sastera lewat sembang sastera tidak rasminya. Pengarang tidak semestinya seorang diri setiap masa, ada waktu perlu keluar dari kepompong hidupnya untuk melihat, berfikir, bertukar idea dengan apa yang ada di luarnya. Ini lebih menjadikan pengarang itu tajam sentuhannya. Pengarang yang baik, tidak semestinya gagah lewat tulisannya tetapi kata-katanya juga harus berbau magis kreatif yang memukau audiensnya. Jadi sikap cantas mencantas, buli membuli atau kritik mengkritik berbau busuk kepada sesama kita sepatutnya dikurangkan lebih mencambahkan idea baharu kepada trend penulisan seseorang itu, berkongsi karya untuk dinilai(kalau ada mahu menerima hakikat), tetapi bagi yang tidak terpujanglah. Bagi saya itu baik, kalau para sahabat kita jujur

menunjukkan cara yang terbaik bagi jalan cerita, bahasa, plotnya , langgam bahasanya supaya perjalanan cerita itu lancar. Hak pengarang sama ada mahu mendengar atau tidak tip-tip yang dicadangkan, dan hak editor sama ada mahu menerbitkan atau tidak karya itu. Jadi banyak prosesnya, kalau kita percaya bahawa kebolehan peribadi pun membawa kita berjaya, teruskan tidak menjadi masalah. Bukan bermakna kita tidak perlu persatuan, itu silap biarpun ramai penulis yang di luar sana, tanpa berpersatuan pun mereka hebat dan Berjaya malah mengalahkan orang yang ada persatuan. Itu persepsi dan tuah untung masing-masing. Tapi banyak waktu kita banyak dibantu suara persatuan dari individu. Pengalaman bersama PUTERA, kami adalah contoh kehadiran penulis pelbagai kaum di Sarawak, walaupun itu bukan mazhab kepengarangan tetapi saya nyatakan wujud hal itu Dewan Bahasa & Pustaka Kuala Lumpur. Arwah Prof Pendeta Tan Sri Dr Ismail Hussein, mantan Ketua I GAPENA mungkin menjadi peledak kepada idea ini apa yang kenal “ *penulis pelbagai kaum Malaysia,*” untuk sama menegakkan sastera Melayu atau kebangsaan kita. Lantaran banyak juga halangan bagi sastera Melayu ini, untuk diangkat mestilah begitu, begini yang tidaklah boleh saya nyatakan di sini. Jadi bagi saya, kita tidak perlu marah-marah kepada sesiapa tetapi manfaatkan ruang ini, kerana bajetnya ada, ruang ada dan peluang terbentang. Sedikit mana pun, kita usahakan dan maksimakan dalam bentuk tindakan. Jangan sunyi sepi, bagaikan kuburan tidak pernah dilawati.

PUTERA (Persatuan Penulis Utara Sarawak) diwakili penulis pelbagai kaum atau etnik di Sarawak. Meskipun tidak semua etnik ada di dalam organisasi ini tetapi kepelbagaian itu jelas dan menyerlah dengan adanya pengarang serta seniman seperti Abizai, Abang Median Abang Said, Zaabaie Shuaini, Mohd Zakri mewakili ras Melayu, Hipani Alwi, Jeli Bohari, Muradi Amir adalah dari suku Melanau, William Chan dan Ting Mee Ting dari suku Tionghua, Jaya Ramba, Frankie Latif, Clare Cinderella, Blaja Anyai dan Sudan Ajang dari etnik Dayak Iban, Poul Nanggang dan Zaini Bilong dari suku etnik Bisaya, David Belulok dari suku Lakiput. Penulis yang pernah bersama PUTERA seperti, Basri Abdillah, Pharo Abdul Hakim, Munir Yakob, Noor Abby, (sekadar menyebut beberapa nama), dan lain-lain yang menulis sastera Melayu. Jadi kepelbagaian kaum itu semacam warna-warni yang menceriakan warna sastera PUTERA. Penulis PUTERA juga diberikan peluang sehingga berguru sastera ke Tanah Jawa di Bogor. Antara mereka yang bertuah ialah Abizai atau Zainal Abidin Haji Suhaili, Jaya Ramba dan terbaharu 2018 ini Frankie Latif telah diberi peluang mengikut Program MASTERA ke Bogor, Indonesia. 3 pendekar PUTERA terpilih ke sini bagi menajamkan sentuhan dan gerak lincah dalam gelanggang susastera bangsa. Ini menunjukkan bahawa karyawan PUTERA dilihat boleh bergerak jauh dengan kemampuan mereka, selain memiliki bakat dan kebolehan yang setanding penulis lain di bumi Malaysia

ini, biarpun kita sekadar mendiami belantara Borneo yang bersejarah ini. Penobatan Abizai sebagai **“Anugerah Penyair GAPENA 2018”** bersama Datu Dr. Haji Adi Badiozaman Tuah juga merupakan sesuatu yang membanggakan PUTERA. Biarpun dalam 4-5 tahun yang lalu para pengkritik sastera melihat bahawa tiada kejutan kepada ombak tsunami sastera di Sarawak kerana dilihat agak statik dan kurang maju berbanding wilayah lain di Nusantara. Kita kerabat di dalam PUTERA berusaha meletakkan rakan-rakan di dalam PUTERA untuk berjaya dalam ruang yang ada. Haji Hipani Alwi adalah salah seorang penyair PUTERA yang menonjol dengan membariskan nama beliau antara penerima kemenangan dalam **“Sayembara Penulisan Dunia Puisi Pangkor”** kemudian diberikan peluang ke Peru pada 2017 yang lalu bagi kembara sastera puisinya di sana, ditanggung oleh badan sastera antarabangsa. Maknanya penulis-penulis PUTERA dari kepelbagaian ini menonjolkan bakat yang boleh dibanggakan dalam persada puisi tanah air dan dunia Nusantara.

### **Disiplin Diri Penulis**

Tidak kira kepada siapa pun, bukan hanya penulis pelbagai kaum di Sarawak semua kita penulis mesti ada disiplin yang tinggi. Kalau boleh tingkat ilmu pengetahuan yang sebaiknya dalam bidang susastera selain bidang yang kita ceburi sekarang ini. Abizai, Jaya Ramba merupakan pengurus kewangan, Jeli Bohari Biha seorang tokoh korporat dan politik, Haji Hipani Alwi seorang jurutera, Frankie Latif seorang berlatar belakangkan kesihatan, Basri Abdillah, Poul Nanggang, dan Abang Median Abang Said berlatarkan dunia pendidikan begitu latar yang berbeza tidak menyebabkan kita tidak mampu menulis. Alasan tugas itu, kurang positif dan membina bagi saya sebagai kekangan. Biarpun kita tidak berkarya, kita mencatat peristiwa itu dan memeramkan isu sekian lama supaya masakanya penuh lunak ranum bila dicerna dalam bentuk karya sastera. Yang penting kekuatan minda kita untuk berkarya.

Ikutilah sayembara bagi menilai pencapaian diri (cermin diri atau audit diri) dan bersaing mendapatkan honorarium bagi apa sahaja sayembara sastera yang membolehkan kita dapat menyertai. Menang kalah itu tidak penting, tapi kalau menang itu merupakan bonus kepada kita. Kalau kalah pun, maknanya kita berusaha dan meningkatkan kemampuan penulisan kita. Kalau tidak mahu menyertai pun masih boleh kerana yang penting ada 2-3 karya setahun pun cukup baik bagi dokumentasi dan kehadiran kita dalam dunia sastera yang kita ceburi ini. Saya masih teringat kata-kata sahabat saya, bahawa *“kalau takut dilambung ombak jangan berumah di tepi pantai”*, mungkin kalau kita takut dengan kegagalan pada bayang-bayang kita sendiri, jangan ikut sayembara apa lagi yang ada nama dan status kepengarangan yang hebat. Kalau dapat terima keterbukaan, pada kalah menang itu sangat baik.

Hak juri yang meletakkan karya kita baik atau tidak. Tidak perlu kita jaja bahawa karya kita hebat dan tersohor, juri ada kebijaksanaan yang melihat kriteria yang ada.

Rancanglah ikut kemampuan, bagi saya kalau 2-3 karya dalam hayat kita sudah cukup baik dan dapat diperkatakan oleh anak cucu mada depan apalagi kalau dibincangkan oleh pemerhati dan pengkritik sastera. Jangan cemburu dan iri hati dengan apa yang orang lain capai. Kita harus berfikir seperti orang menggunakan baju sendiri, jangan anggap baju itu diperoleh dari cara haram seperti mencuri, merompak atau yang lain. Atau kita tabur fitnah, bahawa baju itu tidak cantik, tidak kemas, lusuh dan pelbagai persepsi untuk memburukkan seseorang yang lebih maju. Rasanya itu penyakit besar dalam jua bidang, tidak terkecuali sastera. Biarpun habuan kalau di Sarawak tidak mencapai puluhan ribu pun, tapi kita saling bertelagah, saling menghina, saling menjatuhkan, saling membenci kepada pencapaian orang lain yang kita anggap *“tidak patut”, “tidak boleh”, “tidak adil”* di atas kejayaan para sahabat pengarang kita. Seolah-olah apa yang diraikan rakan tadi tidak halal di mata Tuhan dan menjadi dosa besar, sehingga berbuih-buih mulut mencaci, menghina dan menghentamnya. Berapa banyak kerugian keruntuhan yang diterima oleh kita kerana sahabat ini dapat ruang peluang sastera itu? Kita tidak pernah bertanya susah payah, latar belakang, kesungguhannya, komitmen, sedang kita sekadar bangga diri dengan kehebatan kita sendiri tanpa melihat jujur kepada orang lain. Kita labelkan rakan pengarang kita sebagai, **“haiwan@binatang peliharaan DBP”**, dan macam-macam tohmahan yang menghina, penuh dendam kesumat macam kawan ini dapat projek berbillon ringgit. Ini yang terjadi di Sarawak dan sangat dahsyat umpama api dalam sekam membakar di dalam. Dunia sastera kita kecil, tapi kita melihat pergelutan manusia sastera itu lebih parah dari dunia politik atau dunia bisnes. Kita berasa sangat sedih situasi ini. Saya anggap bahawa seseorang itu menyalahkan rakan pengarang lain kerana kegagalan mendapat tempat baik penerbitan, peluang ke pelbagai acara atau apa jua ruang peluang yang ada. Saya balik nyatakan, senaraikan usaha kita sebelum kita menyalahkan manusia lain kerana *“sebatang jari menunjuk kesalahan orang lain, sedangkan selebih jari kita lagi menuju kepada diri kita yang melempar kata-kata”*. Rasa cemburu itu pun memang tidak dapat lari, ketika saya dan teman-teman dari PUTERA dapat undangan sastera peringkat nasional, seorang tokoh sastera besar kecewa kerana beliau tidak di undang atau terpilih dalam acara itu. Itu hak penganjur memilih kita, hebat mana pun kita, kalau penganjur tidak jemput maka janganlah mencari kambing hitam. Kita binalah empayar kepengarangan kita dengan bijaksana dan terhormat. Sepatutnya kita bersaing secara sihat dan melihat secara holistik bukan pada persepsi yang sempit. Mungkin juga yang berkenaan menganggap bahawa sesuatu kelas dan kumpulan sahaja dapat meraih nikmat dalam sastera di sini. Sementara pengarang

lain atau penulis pelbagai kaum yang lain itu sebagai kelas bawahan yang hanya layak sisa-sisa yang terbuang yang tidak digunakan orang. Silap, saya rasa siapa yang berkarya dan menghantar karya layak dipertimbangkan, bukan sekali tetapi banyak kali. Saya rasa itu kunci kejayaannya karya diterbitkan tanpa mengira kaum apa pun atau teori yang kita tunjangi. Yang dianggap baik akan pasti dipilih editor.

Maka kita harus bina diri kita dengan kekuatan berkarya dalam skala kemampuan yang ada. Turut sama dalam majlis sastera agar kita dapat berkenalan tokoh pengkritik tidak kira kita berasa muak atau tidak serasi dengan ideanya. Yang penting bagi menghalalkan cara untuk kita berjuang dalam sastera kita, ramahi semua pihak walaupun mereka pernah menolak karya kita 2-3 kali dengan alasan yang menjatuhkan kita. Bukan satu sahaja ruang peluang diberikan Tuhan, banyak lagi. Maka kita usaha, kalau marah, layak kita marah dalam hati sendiri, tidaklah sehingga menjadi isu besar yang menganggap mereka sebagai penyangak sastera kita.

Kita jaga hubungan sesama kita penulis dengan adab, kesopanan adat Timur yang kita genggam, ajaran agama yang menunjangi hati budi nurani kita kerana bagi saya tiada apa yang perlu disombongkan atau diriakkan dalam mengenal kita ini pengarang, kita mesti peka menangani antara kawan dan musuh sastera yang mahu mengorbankan kita. Bukan saya mengajar berprasangka dalam dunia kecil sastera kita, itu hakikatnya. Sangat memalukan kita sendiri dan dunia sastera di atas sengketa yang kita ciptakan. Tiada siapa yang menang selain membuka permusuhan dan dendam berpanjangan. Etika dan perilaku kita harus dijaga supaya kita tetap diyakini dan dipercayai. Jangan hanya dalam acara sastera, lantang bercakap mengkritik tanpa landasan yang betul. Anggap semua orang sama hebat kerana masing-masing ada keistimewaannya, jangan anggap kita sahaja maha hebat, itu selalu menjahanamkan kita, sehingga pemikiran dan cara kita sahaja yang tepat dan betul, tinggi mana pun ilmu dan pendidikan kita dengan puluhan anugerah dan gelar sarjana, kalau diri kita gagal menempatkan diri kita seadanya dalam masyarakat. Semua penulis memang ada waktunya kecewa dalam jagat raya pengkaryaan, contohnya SN Datuk A Samad Said yang mengadakan mogok seni dan kemudian membawa diri berjuang dalam politik. Jaya Ramba menulis cerpen "*Seorang Editor Seorang Tuhan*" yang terbit di Berita Minggu beberapa tahun dahulu, sehingga ada kekeruhan hubungan dengan DBP. Tapi Jaya Ramba tidak disenaraihitamkan oleh DBP. Beliau bukan menghentam DBP pun, hanya salah faham dengan editor atau pegawai yang bertanggungjawab mengenai karya. Malah 2-3 tahun lepas, Jaya Ramba telah diberikan kesempatan berjumpa dengan seluruh staf tertinggi DBP Malaysia di Kuala Lumpur bagi menjernihkan suasana ini, kebetulan saya sempat hadir pada majlis itu. Saya menterjemahkan Jaya Ramba dilayan seumpama "*Sasterawan Negara*" kerana sidang khas untuk beliau

berhujah tentang pengkaryaan. Jarang ada penulis dari Sarawak ada ruang peluang seumpama itu. Saya rasa itu adalah situasi yang baik bagi penulis. Semua ini kita cetuskan kerana tidak dapat menahan asakan kecewa kepada skala pengkaryaan kita. Bagi saya tidak salah kita menulis dan bercakap tentang apa yang terjadi tetapi dalam kelantangan itu mesti ada pertanggungjawaban. Bukanlah kita sekadar bercakap berdentum-dentum menghentam sahaja, sehingga tidak sedar esok tetap apa, mungkin kita terpaksa meminta bantuan kepada orang yang kita belasah tadi. Belajarlah tentang kemanusiaan, keramahan dan kemesraan. Kita pengarang tentunya mempunyai jiwa dan sensitiviti yang tinggi.

Kalau di Sabah pada awal tahun 2000, ramai penulis, lantang mengkritik kekurangan karya penulis Sabah yang diterbitkan di peringkat nasional tetapi setelah itu diadakan promosi besar-besaran penulis di sana untuk menghasilkan karya dengan menghadirkan sifu-sifu sastera Malaysia terhebat dan ahli panel juri yang menghakimi hadiah sastera pelbagai di Malaysia, maka kita lihat hasilnya yang mereka tuai, begitu ramai penulis Sabah yang meraih kemenangan di pelbagai persada nasional dan peluang penerbitan khasnya ITBN, DBP dan yang lainnya. Bagi saya, titik puncak pencapaian perjuangan mereka di Sabah kalau kita jenguk, sehingga Presiden BAHASA, Datuk Jasni Matlani telah diiktiraf sebagai Penerima SEA Writer Award dan dapat gelaran "*Datuk*" kerana usaha beliau mengangkat sastera Sabah melalui perjuangan sasteranya di Sabah. Beliau merupakan tokoh kedua Sabah mendapat anugerah SEA Wrter Award itu. Kita belajar apa yang baik dari sahabat-sahabat kita atau jiran kita. Kita kutip sebagai meluaskan pengalaman, pengetahuan dan pemikiran kita. Yang kurang baik kalau ada, kita ketepikan. Semuanya ada usaha yang gigih walaupun ada menyindir pihak-pihak yang bertanggungjawab tentang sastera untuk membuka apa yang tersalah dan tersilap. Ini perlu ada semangat bersaing yang tinggi, usaha yang positif dalam membuka cakerawala sastera bangsa di Bumi Kenyalang tercinta ini, tidak kira apa jenama, pegangan atau latar politik penulisnya. Karya itu mesti ada dan boleh diangkat ke peringkat lebih berwibawa.

### **"Man Ja Wa Jada"**

Nah, kalau kita bersungguh-sungguh dalam suatu hal, maka kita akan mendapatkan hasil yang membangga, demikian huraian ringkas dari falsafah Arab di atas! Setiap kita tanamkan kesungguhan, suburkan kerajinan, dan gali sebanyak mana ilmu di bumi ini. Maka tulislah apa yang patut anda tahu dan maklumi dari segala ilmu bantu yang ada, pancaindera yang tersedia mentakrif dan keupayaan kita mendepani kehidupan yang rumit ini. Jadikan ia karya dalam bentuk yang sesuai dengan jiwa kita sama prosa atau puisi secara umum.

Orang tua kita juga pernah mengajar kita kalau mahu belajar, biarlah sampai ke Negeri China. Betapa maknanya kita harus “*mengembara*” ke sesebuah tempat yang kaya dengan khazanah ilmu. Kita merujuk kepada Negeri China pada zaman datuk nenek kita dulu, maka betullah pemerintah kita buat, dasar “**Pandang Ke Timur**”. Maka penulis PUTERA telah membuktikan pada tahun 2017, diketuai Ketua I PUTERA, Saudara Abizai telah membawa rombongan PUTERA ke Universiti Guangxi, China untuk melancarkan karya penulis PUTERA yang diterbitkan oleh ITBN. Antara penulis yang ikut acara ini ialah Saudara Zaabaie Shuaini dan Saudara Frankie Latit. Di sana mereka dibantu oleh Tuan Basri Abdillah (ahli PUTERA) secara kebetulan beliau selaku pensyarah Bahasa Melayu di sana. Jadi kita kembangkan jaringan kerjasama kita. Biarpun persatuan kita tidak kaya, tetapi kita berusaha menjalankan kegiatan kita dengan tersusun dan berjaya. Karya-karya kreatif puisi dan prosa yang dilancarkan hasil nukilan Abizai, Zaabaie Shuaini, Frankie Latit, Mohd Zakri Zakaria dan Abang Median Abang Said. Jadi itu suatu yang luar biasa, karya kita mampu sampai ke Tembok Besar China walaupun bukan memecah Tembok Besar China. Falsafah belajar mengembara ke China itu pun dipatuhi, bahawa kita telah berkembang giat dalam membuka dimensi kesusasteraan Melayu Malaysia di sana. Tentunya acara ini amat kita bangga, membuka wilayah baharu sastera kita berkembang sebagaimana sastera Indonesia yang lebih awal bertapak di China.

Selain itu kerabat kita PUTERA juga di undang oleh badan sastera negara jiran kita ke beberapa acara sastera di Brunei Darussalam, antara beberapa tahun yang lalu bersama BAHASA Sabah berkunjung di sebuah daerah kecil di Brunei iaitu Daerah Tutong, atas undangan ketua panitianya program, Dr Chong Ah Fok. Apa yang membanggakan di daerah ini lahirnya seorang penerima SEA Writer Award bernama K Manis (nama samaran) dari Negara Brunei Darussalam. Kita berasa bertuah dapat melihat kehebatan mereka dalam kesungguhan memesrai susastera Melayu. Beliau juga menyimpan segala bahan sastera dalam sebuah perpustakaan peribadi yang sangat istimewa. Selain itu para penulis pelbagai kaum PUTERA juga turut serta pelbagai acara sastera dengan undangan panitia di Brunei Darussalam seperti Hari Puisi Nusantara, Dialog Teluk Brunei, Hari Sastera, Simposium Penulis Pelbagai Kaum, Kembara Bahasa, Hari Puisi Bandaraya, Dialog Borneo Kalimantan, Perkampungan Penulis Sarawak, Perhimpunan Karyawan Sarawak, Hari Pertemuan Sasterawan Nusantara dan lain-lain kegiatan yang kita sertai. Selain itu penerbitan karya antologi cerpen bersama rakan dari Banjarmasin yang dipimpin oleh Saudara Hajrian Syah yang mewakili Komunitas sastera Banjarmasin di Kalsel(Kalimantan Selatan).

Saya juga antara yang berminat dengan sastera Nusantara berpeluang ikut serta menjayakan program Persatuan Sastera Budaya Negara Serumpun (PSBNS) bagi edisi kedua di Aik Anggek, Bukittinggi, Ranah Minangkabau. PSBNS ini merupakan kumpulan sastera dari pelbagai Negara di Nusantara termasuk Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei, Selatan Thai, dan peminat bahasa sastera bergabung mengadakan acara di beberapa tempat di lokasi yang ditetapkan. Saya mengembara ke ranah Minang dengan memulai di Kota Padang di Sumatera Barat, Indonesia dan kawasan kota sekelilingnya ramai melahirkan sasterawan yang bertaraf kebangsaan dan Nusantara di sana. Ini sempena peluncuran antologi cerpen saya dan Jaya Ramba dari Sarawak yang ikut tersiar di sana. Kali ketiga, ke Kota Kinabalu sebagai salah seorang pemakalah acara. Pada 2015, PUTERA telah dijemput ke Pontianak, Indonesia berlangsung di Hotel Khatulistiwa bagi acara pertemuan pengarang Borneo yang melibatkan PUTERA dan Penulis di Pontianak dalam versi yang berlainan daripada Dialog Borneo Kalimantan yang sudah menanjak usia pertemuan lebih 10 kali yang dianjurkan bersama badan pemerintah dan pertubuhan sastera serantau. Saudara Abizai telah diminta meluncurkan karya penulis Pontianak dalam acara ini, daripada penulisan di blog kemudian dibukukan tentang *“dunia perbatasan.”*

Kesetiakawan di dalam PUTERA yang menyediakan bakat penulis pelbagai kaum di tengah Borneo dan utara Sarawak terbukti dengan penglibatan dan pengendalian pelbagai acara di Miri, Sarawak atau di luar Miri bagi menjayakan pelbagai acara baik peringkat negeri, kebangsaan, serantau atau Nusantara. Lantaran pada suatu waktu hanya PUTERA sebagai badan sastera yang ada di Sarawak. Sinergi dan kerjasama dengan PUTERA telah dibuat oleh pelbagai badan dan pertubuhan sastera seperti DBP, ITBN, GAPENA antaranya. PUTERA masih bertenaga, gagah dan hebat kerana stamina para pengarangnya tetap menerjah kanvas penerbitan karya di pelbagai wadah di pelbagai peringkat biarpun *“tidak mungkin diangkat menjadi raja”* mengikut A Rahim Abdullah. Para pengkarya PUTERA bukan sahaja menjadi pengarang sastera, tetapi juga menjadi penggiat sastera bagi memekar wajah dan roh sastera di Utara Sarawak khasnya Miri. Beberapa penulis PUTERA telah dinobatkan dengan pelbagai anugerah dan kemenangan dalam pelbagai sayembara seperti Abizai atau Zainal Abidin Haji Suhaili yang semacam ikon PUTERA dengan kumpulan puisinya **“Membentuk Elok Di teluk Esok”** sebagai penerima Anugerah Sastera Perdana Malaysia 2001/2002 dan terkini dinobatkan sebagai Tokoh Penyair GAPENA 2018 sempena Hari Puisi Nasional di Bintulu baru-baru ini. Haji Hipani Alwi seorang berketurunan Melanau banyak memenangi sayembara puisi dan terbaharu ke Peru bagi meraih kejayaannya memenangi Hadiah Utama Puisi Lagu Rakyat Pangkor, Perak sehingga layak mengembara ke benua Amerika Selatan, Haji Jeli Bohari Biha pernah memenangi Hadiah Penggiat Sastera Sarawak pada 1998, Poul Nanggang

juga pernah dinobatkan **“Karyawan Harapan Negeri Sarawak 1998”**, Jaya Ramba juga penerima **“Anugerah Sastera Sarawak Bahasa Iban”** pada 2016 yang lalu. Sementara Abang Median Abang Said, telah banyak memenangi hadiah sastera peringkat Negeri Sarawak bagi Hari Guru, Hadiah Sastera Sarawak, kemudian Hadiah Sastera Utusan Melayu dan cukup prolifik, stamina tinggi, daya usaha yang luar biasa bagi saya meneliti pencapaian beliau. Beliau antara permata di dalam PUTERA dan Sarawak yang bagi saya bakal membuat kejutan dalam bidang prosa dan puisi. Diikuti oleh Saudara Frankie Latit yang mulai mengembang namanya dalam kanvas sastera, Mohd Zakri, David Belulok, Zaabaie Shuaini, Basri Abdillah, Noor Abby,(antara nama ), dan ramai lagi terus mencuba nasib di persada sastera Sarawak, nasional dan Nusantara. Sama ada mereka berjaya atau tidak, itu adalah komitmen diri masing-masing. Biarpun di hati kecil saya, mendoakan mereka berjaya mencipta kehebatan.

### **Beberapa Cadangan**

1. Ruangan YIIB wajar dikembalikan kepada format asal, setiap minggu penerbitan dengan cerpen/esei & sajak.
2. Daripada kenyataan menteri sewaktu Hari Puisi Nasional di Bintulu baru-baru ini, bahawa persatuan penulis dapat sebahagian daripada dana berjumlah 1 juta yang telah diberikan kerajaan negeri kepada DBP seperti yang diumumkan oleh YB Hajah Fatimah Abdullah pada majlis Hari Puisi Nasional 2018.
3. Mohon juga penjelasan, apakah status penerbitan DBP, adakah masih menerbitkan buku puisi atau cerpen lagi? Berapa ketebalannya? Kira-kira jumlah puisi atau cerpen yang perlu ada.
4. Utusan Sarawak edisi Miri (utara) tidak menyiarkan ruangan WBS sebaliknya digantikan dengan iklan. Ini amat merugikan bagi proses perkembangan dan penataran dunia penulisan tempatan kerana penulis muda tidak membaca ulasan/teguran tentang karya mereka di ruangan ini. Jadi mohon pihak DBP dapat membantu supaya sasaran itu sampai kepada kami di Utara Sarawak.
5. Memohon mewujudkan agensi, institusi atau jabatan kerajaan, seperti fungsi Biro Kesusasteraan Borneo bagi menjaga khusus pembangunan, perkembangan, penerbitan sastera bahasa etnik di Sarawak. DBP tidak boleh memikul sepenuhnya tanggungjawab ini sebab ia lebih bersifat nasional.
6. Peminat sastera Sarawak kini bergantung harap kepada YIIB & WBS sahaja sejak edaran akhbar Berita Harian & Utusan Melayu dihentikan di Sarawak. Tapi YIIB & WBS masih lagi ada. Jadi mohon persatuan penulis perlu juga diberi peluang bekerjasama dalam hal penerbitan ini.

7. Mengembalikan kewujudan "**Jendela Sarawak**" dalam bentuk wajah yang baharu dengan format penerbitan seperti bentuk majalah komersil agar ia lebih mantap, menyerlah dan mendapat respons yang baik dari masyarakat. Ia nampak lebih kondusif sifatnya.
8. Memohon pemerintah mewujudkan dana bantuan tahunan kepada semua persatuan penulis yang relevan dengan acara sastera dan berdaftar di Sarawak selain bantuan -bantuan projek sastera yang lain.
9. Juga mewujudkan portfolio "**Pesuruhjaya Sastera**" atau apa nama yang sesuai untuk memastikan segala perjalanan acara sastera yang diluluskan atau mendapat dokongan oleh pemerintah atau pihak badan bukan kerajaan dengan teratur dan dapat dikesan impak keberkesanan selain dapat membantu golongan pengarang menjalinkan hubungan dengan pelbagai badan kerajaan seperti Perpustakaan Negeri di setiap daerah, PUSTAKA Negeri Sarawak, Jabatan Kesenian & Kebudayaan, Pelancongan, Perpustakaan Kerajaan Tempatan dan lain-lain.
10. Pembelian karya penulis Sarawak oleh pihak kerajaan Negeri Sarawak dan agensi yang di bawahnya. Ini bagi membantu penulis dan merencanakan suasana kepengarangan di Sarawak.
11. Dapat menyediakan dana tahunan pada setiap tahun bagi mengadakan "**Perhimpunan Penulis Sarawak**" atau apa sahaja nama lainnya tetapi maksudnya tetap sama menghimpun pengarang di Sarawak pada setiap tahun melalui agensi kerajaan yang diamanahkan. Bukan sekadar bermusim dan sekadar ada sahaja. Pada waktu ini diadakan penyampaian Hadiah Sastera Sarawak atau Hadiah Penghargaan Hadiah Sastera secara tahunan.
12. Galeri Penulis Sarawak perlu diwujudkan baik secara persendirian atau di dokong oleh PUSTAKA Negeri Sarawak dan dengan hasil-hasil karya para penulis yang memenuhi kriteria dan syaratnya. Usaha ini untuk memberikan insentif tambahan kepada pengarang mendapat publisiti dan promosi karya. Selain diadakan diskusi buku bulanan karya penulis tempatan di ruang PUSTAKA atau premis yang dipilih sebagai usaha menggalakkan dan menyokong kempen membaca sepanjang hayat.
13. Memohon kepada kerajaan melantik atau memilih seorang **senator atau Ahli Dewan Negara Malaysia** daripada kalangan pengarang penulis pelbagai kaum di Sarawak atau Malaysia.

## **Kesimpulan.**

Inilah yang dapat saya utarakan dalam waktu yang ada. Mohon maaf kalau catatan kecil saya ini banyak cacat celanya di sana sini, idea yang terlontar agak kurang matang, gaya bahasa yang kurang menarik sebagai manusia yang ada kekurangannya di mana-mana. Apa pun saya percaya, apa yang saya utarakan ini, ada cebisan-cebisan kecil yang bermanfaat kepada kita pengarang, pemegang amanah sastera di Sarawak, pemerintah atau sesiapa sahaja yang ada rasa tanggungjawabnya. Saya secara peribadi, tidak menyatakan bahawa apa yang saya catatkan dan persembahkan ini yang idea-idea terbaik bagi mengangkat sastera pelbagai Sarawak atau Sastera Kebangsaan Malaysia. Mungkin ada beberapa hal yang menarik dan boleh kita diskusi dengan tindakan susulan yang mantap. Kita pun tidak mahu, suara-suara yang kita lontarkan ini menjadi sia-sia sahaja, membazir tenaga, wang ringgit dan masa bagi memikirkan hala tuju sastera kita, sedangkan selepas acara ini maka tutuplah segalanya.

Apa pun saya mengharapkan ada usaha-usaha ke arah memajukan dan penambahan kepada usaha-usaha mengangkat sastera kita bukan sahaja karya tetapi pengurusan sastera di negeri ini dengan lebih efisien. Kalau ada kekeruhan sekian lama, marilah kita jernihkan dengan sebaiknya, sebagai anak Sarawak, siapa lagi yang akan peduli harkat kepenulisan di Bumi Kenyalang ini kalau tidak kita sebagai anak Sarawak. Kita sepakat, sederap tanpa mengira ideologi politik, ras, etnik atau kumpulan tetapi sama-sama mengangkat, menjulang sastera kita wajah roh kita.

Sekian, terima kasih.